

Latihan asas Rakan Cop

BH - 17/4/2006

Ahli kena tahu pertahanan diri ketika bantu banteras jenayah: PM

Oleh Magendran Rajagopal
dan Mohd Azis Ngah

KUALA LUMPUR: Kira-kira 30,000 Rakan Cop di seluruh negara akan diberi latihan asas mempertahankan diri untuk menjadi mata dan telinga polis, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah mengarahkan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said supaya menyelaraskan satu program hujung minggu untuk ahli Rakan Cop, khususnya wanita, supaya lebih ramai lagi berani tampil membantu polis membanteras jenayah.

"Azalina sudah sampai peringkat handal dalam tae-kwan-do dan saya percaya beliau boleh menjadi jurulatih atau memberi petua mengenai asas menjaga keselamatan diri supaya Rakan Cop lebih selesa menunaikan tanggungjawab sosial ini.

"Saya percaya ini mendorong lebih ramai rakyat mendaftar sebagai Rakan Cop dan secara tidak langsung

menghapuskan kebimbangan keselamatan diri atau harta benda mereka.

"Rakan Cop kini menunjukkan kejayaan memberangsangkan. Saya harap rakyat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terus memberi sokongan," katanya pada majlis pelancaran Rakan Cop peringkat kebangsaan di sini, semalam.

Hadir sama Azalina; Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin; dua Timbalan Menteri Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd Johari Baharum dan Datuk Fu Ah Kiow serta Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Bakri Omar.

Program Rakan Cop diperkenalkan Polis Kontinjen Kuala Lumpur pada Ogos 2004. Pada majlis semalam Perdana Menteri turut mendaftar sebagai Rakan Cop dengan nombor pendaftaran RC103 menggunakan nama samaran Paklah.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri, berkata keberkesanan Rakan Cop kini menjadikan penjenayah semakin gelisah

kerana lebih banyak mata memerhatikan mereka sekarang dan polis pula dapat bertindak pantas berdasarkan maklumat Rakan Cop.

Beliau turut mengesyorkan pihak polis menyegerakan usaha memperluaskan program Rakan Cop ke seluruh negara berdasarkan keberkesanannya di Lembah Klang.

Pada masa sama, Abdullah juga menegur tindakan segelintir masyarakat yang menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) nakal kepada polis kerana ia menjejaskan kecekapan operasi pihak berkuasa itu, sekali gus menyukarkan pembante-

rasan jenayah.

Katanya, polis kini dapat bertindak balas dalam 12 minit selepas menerima aduan tetapi masa itu dapat disingkatkan jika orang ramai tidak menyalah guna khidmat SMS itu.

Sementara itu, Bakri berkata jika kemudahan SMS digunakan secara positif, ia akan membantu mewujudkan persekitaran aman dan damai.

Katanya, pendekatan PDRM mengeksploitasi kemajuan teknologi itu dengan mewujudkan Rakan Cop banyak membantu mengurangkan kadar jenayah dan diterima baik masyarakat.

"Rakan Cop adalah program pencegahan jenayah membabitkan orang ramai secara maya, mereka tidak perlu hadir ke balai polis menyalurkan maklumat," katanya berucap pada majlis sama.

Mohd Bakri berkata, usaha menyedarkan orang ramai mengenai kepentingan pencegahan jenayah semakin membuahkan hasil dan diterima baik termasuk daripada badan bukan kerajaan (NGO).

FAKTA

Cara daftar Rakan Cop

- Taip: **rakancop** <jarak>
- **negeri** (KL, NS, PK dan sebagainya) <jarak>
- **daftar** <jarak>
- **nama/samaran**
- Hantar ke **32728** (DAPAT)